

# G-7 gesa batal larangan import ikan Jepun

BH 31/10/23 m/s 28

**Osaka:** Menteri-menteri perdagangan Kumpulan Tujuh (G-7) menggesa larangan import ke atas produk perikanan Jepun ditarik balik.

Kenyataan bersama itu dilihat merujuk kepada sekatan perdagangan China yang dilaksanakan, susulan tindak balas terhadap pelepasan air terawat dari loji tenaga nuklear Fukushima, lapor *Jiji Press*.

Anggota G-7 berkata, mereka menggesa supaya sebarang tindakan yang tidak perlu yang menyekat perdagangan dimansuhkan serta-merta, termasuk sekatan import yang dikenakan ke atas produk makanan Jepun.

Menteri-menteri berkenaan juga menyatakan kebimbangan mengenai peningkatan trend ekonomi paksaan apabila ada negara yang mengambil langkah mengenakan sekatan eksport dan import untuk memberi tekanan kepada rakan dagang.

BERNAMA-JIJI PRESS